

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China akan memberi manfaat ke atas jualan minyak sawit Malaysia ke China.

JAWAPAN

Secara umumnya, konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan China telah menyumbang kepada peningkatan import minyak dan lemak China dari negara lain. Ini berikutan eksport kacang soya Amerika Syarikat ke China yang berkurangan telah mengakibatkan penurunan aktiviti pemprosesan kacang soya dan pengeluaran minyak kacang soya di China. Hal ini telah menyebabkan peningkatan harga minyak kacang soya menjadikannya lebih mahal berbanding harga minyak sawit. Ini secara tidak langsung menggalakkan pengimportan minyak sawit terutamanya dari Malaysia.

Kesan positif konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih berterusan sehingga kini dapat dilihat melalui peningkatan eksport minyak sawit negara ke China. Bagi tempoh Januari hingga September 2019, eskport minyak sawit meningkat 37.3% kepada 1.47 juta tan berbanding 1.07 juta tan bagi tempoh yang sama tahun 2018. Beberapa kerjasama yang telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dan China juga telah memberikan kesan positif kepada lonjakan eksport komoditi berkenaan.